

**Teks Ucapan**  
**YBrs. Prof. Dr. D Kamarudin D Mudin**  
**Naib Canselor**  
**Universiti Malaysia Sabah**  
**Majlis Pelancaran Sambutan Bulan KreaNova Peringkat**  
**Universiti Malaysia Sabah Tahun 2017**

*Bismillahir Rahmanir Rahim*

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

*Salam Sejahtera dan Salam Sejahtera*

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis

Yang Berusaha No'man Ahmad,  
Pendaftar, Universiti Malaysia Sabah

Pegawai-Pegawai Utama Universiti Malaysia Sabah

Dekan-Dekan, Para Pengarah dan Ketua-Ketua Jabatan  
Universiti Malaysia Sabah

Kakitangan Universiti Malaysia Sabah

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, Majlis Sambutan Bulan KreaNova sekali lagi dapat di jalankan pada tahun 2017 ini Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UMS kali yang keempat bagi tahun 2014 berjaya diadakan.
2. Terlebih dahulu, saya bagi pihak pengurusan universiti juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa pengajur yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Datuk Abdullah Haji Mohd. Said, Pendaftar Universiti Malaysia Sabah, atas usaha dan komitmen bersama-sama Ahli Jawatankuasa yang terlibat bagi memastikan kesinambungan konvensyen ini. Sememangnya, pengajuran ini merupakan satu lagi usaha berterusan universiti untuk terus maju ke hadapan ke arah meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. Kita semua telah sedia maklum bahawa, Konvensyen KIK UMS adalah merupakan satu platform dalam memberi ruang dan peluang kepada kakitangan untuk membantu organisasi dalam memilih, mengenalpasti dan menganalisis masalah yang berkaitan dengan kerja, melalui teknik dan kekreatifan dan

daya berinovatif di kalangan para kakitangan sekalian. Di samping itu, konvensyen ini juga sekaligus memupuk hubungan yang baik dan mengukuhkah jalinan ikatan silaturrahim sesama kita.

4. Oleh yang demikian, adalah wajar bagi para kakitangan untuk terus memupuk dan menghayati usaha-usaha pembudayaan inovasi dan kreativiti seumpama konvensyen yang diadakan pada hari ini. Yang jelas, amalan dan pembudayaan ini adalah selaras dengan matlamat program transformasi negara bagi mewujudkan enjin baharu bagi melaksanakan perubahan dan membina momentum dalam menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan dengan segera.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

5. Penganjuran Konvensyen KIK ini sememangnya wajar dilaksanakan pada setiap tahun bagi menerapkan konsep *knowledge base* dan *creativity driven* bagi membolehkan organisasi menghasilkan inovasi yang memberi nilai tambah kepada mutu perkhidmatan yang berkualiti. Secara tidak langsung, ia dapat mewujudkan semangat berpasukan dan memupuk nilai dan etika kerja yang positif.

6. Justeru, dengan menggalakkan penubuhan KIK, ruang dan peluang juga dapat diberikan kepada para kakitangan untuk menyuarakan sesuatu cadangan penyelesaian masalah kepada UMS. Sebagai contoh, KIK Nexus telah mencadangkan penyelesaian kepada masalah pengambilan jawatan akademik dan bukan akademik, KIK Dinamik pula telah mencadangkan Troli Dinamik, KIK TechKal telah mencadangkan Papan Lutsinar, sementara KIK Regiment pula telah mencadangkan penyelesaian kepada masalah Laporan Penilaian Tahunan (LNPT), KIK M'Tech pula mencadangkan Penyelesaian Terhadap Maklumat Peralatan Makmal dan KIK Dinamik sekali lagi mencadangkan Smart Dinamik. Kesemua pasukan ini telahpun berjaya mewakili UMS dalam Konvensyen KIK diperingkat IPTA, Konvensyen Innovative & Creative Circle (ICC) anjuran MPC Peringkat Kebangsaan, Konvensyen KIK Sektor Awam Negeri Sabah, serta Konvensyen Innovative & Creative Circle (ICC) anjuran MPC Sarawak dan Sabah. Dan yang terbaharu kita berjaya mewakili UMS sekaligus mewakili negara dalam Konvensyen Kualiti di peringkat Asia Pasific.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Kejayaan JFPIU tidak harus dinilai berdasarkan kejayaan melaksanakan program-program rutin yang ditetapkan setiap tahun, mahupun program-program kualiti semata-mata, tetapi

kejayaan juga perlu didasarkan kepada keupayaan kita untuk memperkenalkan perubahan, dan yang lebih penting, idea kreatif dan inovatif tersebut menjadi realiti. Oleh yang demikian, setiap idea dan cetusan pemikiran haruslah diaplikasikan dengan cara yang terbaik untuk mendapatkan output yang maksima. Dalam hal ini, pihak pengurusan atasan di setiap JFPIU perlu menyuburkan semangat untuk berkreatif di kalangan kakitangan, di samping membanteras kekangan mental yang lazim berlaku, yang menjadi halangan kepada proses pemikiran kreatif seperti takut gagal, takut dikritik, takut mengambil risiko dan sebagainya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

8. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat khususnya Ahli Jawatankuasa Penganjur Konvensyen KIK Universiti Malaysia Sabah Kali Ketujuh Tahun 2017, kerana kejayaan sekali lagi dalam penganjuran konvesyen yang amat bermakna ini.
9. Harapan saya agar semua Ketua Jabatan dan Urus Setia dapat memastikan agar lebih banyak lagi kumpulan baharu dibentuk bagi menghasilkan projek yang lebih baik dan mencabar. Juga menjadi harapan universiti agar lebih banyak

penyertaan dari JFPIU lain dalam konvensyen yang akan datang.

10. Maka dengan itu, saya dengan lafaz kalimah suci, **Bismillahir Rahmanir Rahim** dengan ini merasmikan dan menutup **Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Universiti Malaysia Sabah Ke-7 Tahun 2017**.

*Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*